E-ISSN: 2550-1992
al-Irsyad
JOURNAL AL-IRSYAD
PENERBIT UIS PRESS
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad
Vol. X, No. X, (Month, XXXX)

# Janji Kemenangan Islam dalam al-Quran: Analisis Konsep *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022)

## *[Narratives of Divine Promise and Islam's Triumph in the Quran: A Study of al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām by Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022)]*

Abur Hamdi Usman [1]*, Zaidul Amin Suffian Ahmad [1]*, Wan Azizul Hakim Wan Aziz [2] & Ryan Bianda [3]

[1] Faculty of Islamic and Civilisation Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

[2] Faculty of Languages, Letters, and Arts, Ibn Tofail University, P.O. Box 242, Kenitra, MOROCCO.

[3] Department of Syariah, Sekolah Tinggi Ilmu Syariah Al Wafa Bogor, Jl. Bengkelroda Cipicung, Mekarsari, Cileungsi, Kab. Bogor, Jawa Barat 12860, INDONESIA.

* Corresponding Author: Zaidul Amin Suffian Ahmad. Department of Al-Quran & Al-Sunnah, Faculty of Islamic and Civilisation Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), MALAYSIA. zaidulamin@uis.edu.my. (+60) 17-2666 952.

**Keywords:**
Al-Mubashshirāt, Yūsuf al-Qaraḍāwī, Thought, Thematic Exegesis.

**ABSTRACT**

Yūsuf al-Qaraḍāwī's thought on the triumph of Islam, articulated through the Quran-based *al-Mubashshirāt*, connects divine promises with the lived realities of Muslim communities. However, the underlying themes that shaped this perspective warrant systematic examination. Accordingly, this study aims to analyse the themes of *al-Mubashshirāt* as presented in *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* and to explain the construction of a discourse of optimism regarding the triumph of Islam based on Quranic narratives. The study adopted a qualitative approach, employing content analysis to examine the selected work. The analysis identified five major themes: (i) the narratives of the messengers, believers, and disbelievers; (ii) Allah's assistance to the believers; (iii) Allah's promise to frustrate the schemes of the disbelievers; (iv) the existence of groups who demonstrate affection towards the believers; and (v) Allah's promise to manifest His signs of greatness. The findings revealed that these themes collectively construct a Quranic discourse that associates the triumph of truth with divine assistance, the defeat of falsehood, and the manifestation of Allah's signs of power. The study concludes that al-Qaraḍāwī's conceptualisation of *al-Mubashshirāt* provides a theological foundation for optimism about the future of Islam, rooted in unwavering confidence in Allah's promises and divine decree.

**Contribution:** This study contributes to contemporary Quranic studies by systematically organising the five themes of *al-Mubashshir*, highlighting the role of Quranic narratives in strengthening Muslim

conviction and fostering spiritual resilience, and providing a foundation for further research on the relevance of Quranic discourse in addressing contemporary challenges.

***Kata Kunci:***
*Al-Mubashshirāt, Yūsuf al-Qaraḍāwī, Pemikiran, Tafsir Tematik.*

***ABSTRAK***

*Pemikiran Yūsuf al-Qaraḍāwī tentang kemenangan Islam melalui al-Mubashshirāt berasaskan al-Quran telah menghubungkan janji Ilahi dengan realiti kehidupan umat Islam. Namun tema-tema yang membentuk pemikiran tersebut masih memerlukan penelitian secara sistematik. Kajian ini bertujuan menganalisis tema-tema al-Mubashshirāt dalam karya al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām serta menjelaskan pembinaan wacana optimisme terhadap kemenangan Islam berdasarkan naratif al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan terhadap karya tersebut. Hasil kajian mengenal pasti lima tema utama, iaitu kisah para rasul, mukmin dan kafir; bantuan Allah SWT kepada orang beriman; janji Allah SWT menggagalkan tipu daya golongan kafir; kehadiran golongan yang mencintai orang beriman; serta janji Allah SWT memperlihatkan tanda kebesaran-Nya. Dapatan menunjukkan bahawa tema-tema tersebut secara kolektif membentuk wacana Qurani yang menghubungkan kemenangan kebenaran dengan bantuan Ilahi, kegagalan kebatilan dan penzahiran tanda kekuasaan Allah SWT. Kajian ini merumuskan bahawa pemikiran al-Mubashshirāt al-Qaraḍāwī telah meletakkan optimisme terhadap masa depan Islam berasaskan keyakinan terhadap janji dan ketentuan Allah SWT.*

***Sumbangan:*** *Kajian ini menyumbang kepada pengajian al-Quran kontemporari dengan mensistematikkan lima tema al-Mubashshirāt yang memperlihatkan fungsi naratif al-Quran dalam membina keyakinan dan ketahanan spiritual umat Islam serta menyediakan asas bagi penelitian lanjut tentang peranan wacana Qurani dalam mendepani cabaran kontemporari.*

ARTICLE HISTORY
Received: September 10, 2026
Revised: October 22, 2026
Accepted: October 30, 2026
Available Online: November 16, 2026
Published: Month 00, 0000

This is an open access article under the CC BY-NC license.

**To cite this article:**

Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., Wan Aziz, W. A. H., & Bianda, R. (2026). Janji kemenangan Islam dalam al-Quran: Analisis konsep al-mubashshirāt bi intiṣār al-Islām menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, *X*(X), 1746-1765. https://doi.org/10.53840/alirsyad.v11i2.637.

## 1. PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai kemenangan Islam merupakan tema yang sentiasa mendapat perhatian dalam wacana pemikiran Islam, khususnya melalui pendekatan tafsir tematik dan penulisan berasaskan al-Quran. Dalam literatur tafsir moden, tema ini dikaitkan dengan usaha membina naratif optimisme dan ketahanan spiritual umat Islam dalam menghadapi cabaran kontemporari (Nazih et al., 2024; Rahman, 2020). Dalam konteks tersebut, buku *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* tampil sebagai karya signifikan yang mengemukakan kerangka pemikiran tentang penegasan kepastian kemenangan Islam berasaskan sunnatullah dalam sejarah manusia. Fenomena ini menjadikan karya tersebut relevan dalam menangani cabaran global yang dihadapi umat Islam, termasuk konflik geopolitik, marginalisasi sosial dan krisis pemikiran (Amiruddin et al., 2020).

Secara umum, Muslimin pada masa kini berhadapan dengan pelbagai tekanan yang menggugat keyakinan terhadap masa depan Islam. Konflik politik di Timur Tengah, cabaran integrasi masyarakat minoriti di Barat serta wacana sekularisasi yang menekan ruang agama merupakan antara faktor yang menimbulkan keresahan

(Greer, 2023; Rzas, 2022). Dalam keadaan sedemikian, keperluan terhadap idea pemikiran yang mampu memperkukuh keyakinan dan daya tahan spiritual menjadi semakin mendesak. Namun, sebahagian wacana semasa cenderung menekankan analisis krisis tanpa memberi perhatian seimbang terhadap dimensi harapan dan janji Ilahi yang terkandung dalam al-Quran (Nur, Adam & Muttaqien, 2020). Justeru, timbul keperluan untuk meneliti karya-karya yang mengangkat tema kemenangan Islam secara sistematik dan berasaskan sumber wahyu.

Dalam hal ini, *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* menawarkan pendekatan tematik yang mengkaji pelbagai isu berdasarkan *maqāṣid al-Qur'ān* melalui analisis terhadap satu surah atau lebih (Muslim, 2000). Secara khusus karya ini memfokuskan kepada ayat-ayat al-Quran berkaitan janji kemenangan, bantuan Ilahi serta kegagalan kebatilan. Karya ini menggariskan beberapa tema utama seperti kisah para rasul, mukmin dan kafir, bantuan Allah SWT kepada orang beriman, janji menggagalkan tipu daya kaum kafir, kewujudan golongan yang mencintai orang beriman, serta penzahiran tanda kebesaran Allah SWT. Tema-tema tersebut disusun secara koheren bagi menunjukkan pola berulang dalam sejarah dakwah, sekali gus menegaskan bahawa kemenangan Islam merupakan ketetapan Ilahi yang melangkaui batas masa dan tempat (Akram, 2021; Kudhori, Faiq & Farhan, 2021).

Walaupun karya ini mempunyai kedudukan penting dalam membina naratif optimisme, kajian akademik yang menelitinya secara khusus masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek umum pemikiran al-Qaraḍāwī atau tafsir kontemporari tanpa mengupas secara tematik bagaimana tema kemenangan Islam dihujahkan secara tuntas oleh al-Qaraḍāwī (Amrin & Amirullah, 2022). Walhal dalam *al-Mubashshirāt* menonjolkan pendekatan keilmuan al-Qaraḍāwī yang membincangkan pelbagai isu dan permasalahan berpandukan *maqāṣid al-Qur'ān* melalui kajian terhadap beberapa ayat al-Quran bagi mengenal pasti tujuan, hikmah dan mesej utama yang terkandung dalam tema kemenangan Islam. Kelompongan ini mewujudkan jurang dalam literatur yang perlu diisi bagi memahami sumbangan karya tersebut dalam membentuk wacana teologi harapan dan ketahanan umat Islam. Kajian tematik terhadap karya ini berpotensi memperkaya perbahasan mengenai *maqāṣid*, *wasāṭiyyah* dan *fiqh al-aqalliyyāt* yang menjadi konsep utama pemikiran al-Qaraḍāwī (Adegoke, 2021; As-Suvi & Zuhriah, 2023).

Berita gembira atau *al-Mubashshirāt* yang dimaksudkan di sini ialah janji Allah SWT yang terdapat dalam al-Quran kepada orang beriman tentang pertolongan daripada-Nya, penyempurnaan cahaya-Nya sekali pun ia tidak disenangi oleh orang kafir dan bagaimana Allah SWT memenangkannya ke atas agama-agama lain meskipun tidak disukai oleh orang musyrik (Al-Qaraḍāwī, 2004).

Al-Qaraḍāwī (2004), memberikan contoh surah al-Tawbah [9] ayat 32 dan 33 yang membicarakan tentang mereka yang memusuhi Islam daripada kalangan musyrikin dan ahli kitab yang telah memesongkan agama serta menjadikan rahib-rahib sebagai Tuhan selain daripada Allah SWT. Mereka juga memakan harta manusia secara zalim dan menghalang daripada jalan Allah SWT (agama). Allah SWT berfirman:

﴿يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾﴾

Maksudnya:

*Mereka hendak memadamkan cahaya Allah SWT (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah SWT tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian). Dia lah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad SAW) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.*

Al-Qaraḍāwī menukilkan pandangan mufasir kesohor, Ibn Kathīr ketika menafsirkan dua ayat di atas. Ibn Kathīr (2002/4: 136) menyatakan:

"Allah SWT berfirman: "Orang-orang kafir daripada kalangan musyrikin serta ahli kitab hendak memadam cahaya (agama) Allah SWT, iaitu wahyu yang dibawa oleh Rasul-Nya berupa petunjuk dan agama yang benar, hanya dengan perdebatan dan tuduhan palsu mereka. Perumpamaan mereka dalam hal ini adalah seperti orang yang ingin memadamkan sinaran matahari atau cahaya bulan dengan hembusan nafasnya, suatu usaha yang mustahil" Demikian juga, apa yang diutuskan Allah melalui Rasul-Nya pasti akan sempurna dan terserlah. Oleh itu, sebagai menolak tohmahan dan kehendak mereka, Allah SWT berfirman: "Dan Allah SWT tidak menghendaki selain menyempurnakan cahaya-Nya, walaupun orang-orang kafir tidak menyukainya." Kafir menurut istilah Arab bermaksud yang menutup dan menudung sesuatu. Daripadanya juga dinamakan malam sebagai "kafir" kerana ia menutupi benda-benda, dan petani juga disebut "kafir" kerana dia menimbus benih di dalam tanah, sebagaimana firman Allah: *"menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya"* [al-Ḥadīd: 20]. Kemudian Allah SWT berfirman: "Dialah yang mengutuskan Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk dan agama yang benar." Petunjuk itu ialah khabar-khabar yang benar, iman yang sahih serta ilmu yang memberi manfaat. Sementara agama yang benar ialah amalan-amalan yang soleh yang memberi manfaat di dunia dan akhirat. Ayat: "Untuk dimenangkannya ke atas segala agama..." bermaksud semua agama, seperti yang disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW: "Sesungguhnya Allah SWT telah memperlihatkan kepadaku bumi, Timur dan Baratnya. Kerajaan umatku akan sampai kepada apa yang diperlihatkan kepadaku itu"."

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

Menurut penulis, nukilan di atas menegaskan bahawa usaha golongan musyrikin dan Ahli Kitab untuk menolak, mempersoalkan atau melemahkan risalah Islam melalui perdebatan serta tuduhan yang tidak berasas merupakan suatu tindakan yang sia-sia. Hal ini kerana hidayah dan kebenaran yang diturunkan Allah SWT melalui Rasul-Nya mempunyai jaminan ilahi untuk terus terserlah dan mencapai kesempurnaannya. Gambaran tersebut dianalogikan dengan cubaan memadam cahaya matahari atau bulan hanya dengan hembusan nafas yang menunjukkan kemustahilan menggagalkan penyebaran kebenaran wahyu. Contoh lain berita gembira daripada al-Quran ialah firman Allah SWT dalam surah al-Nūr [24] ayat 55:

﴿وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسۡتَخۡلِفَنَّهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ كَمَا ٱسۡتَخۡلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمۡ دِينَهُمُ ٱلَّذِي ٱرۡتَضَىٰ لَهُمۡ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعۡدِ خَوۡفِهِمۡ أَمۡنٗاۚ يَعۡبُدُونَنِي لَا يُشۡرِكُونَ بِي شَيۡـٔٗاۚ وَمَن كَفَرَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٥٥﴾

Maksudnya:

*Allah SWT menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredai-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.*

Al-Qaraḍāwī (2004) telah menukilkan pandangan Ibn Kathīr (2002/6: 78) yang mentafsirkan ayat di atas bahawa janji baik Allah SWT kepada Rasulullah SAW adalah dengan kewujudan khalifah di atas bumi:

"Ini adalah janji baik Allah SWT kepada Rasul-Nya SAW. Dia akan menjadikan umat Baginda SAW sebagai khalifah di atas permukaan bumi, iaitu sebagai pemimpin-pemimpin manusia dan penguasa mereka. Dengan (keadilan) mereka, negeri-negeri akan menjadi baik, menundukkan hamba-hamba kepada ketuanan mereka dan menukarkan ketakutan dengan keamanan serta kekuasaan yang stabil. Allah SWT telah melakukannya, hanya bagi-Nya puji-pujian dan kurniaan. Sesungguhnya Rasulullah SAW tidak wafat melainkan setelah Allah SWT membukakan kepada Baginda SAW kota Mekah, Khaibar, Bahrain, keseluruhan semenanjung tanah Arab, bumi Yaman keseluruhannya. Dan mengambil jizyah daripada Majusi di Hajar serta dari sebahagian kawasan pedalaman Syam, mendakwah Hercules raja Rom, al-Muqauqis pemerintah Mesir dan Iskandariyah, raja-raja Oman, Najasyi raja Habsyah yang dimiliki selepas raja Ashamah yang dirahmati dan dimuliakan Allah SWT."

Menurut al-Qaraḍāwī (2004), pada masa ini umat Islam sedang mencari apa yang telah dijanjikan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Janji baik Ilahi kepada orang beriman ini adalah satu janji yang kekal dan berterusan. Kemenangan dan keteguhan yang telah terpasak pada zaman Khulafa ar-Rasyidin tidak mustahil akan terlaksana kepada generasi selepas mereka sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Kahf [18] ayat 98. Janji ini disyaratkan dengan keimanan, amal soleh dan pengabdian hanya kepada Allah SWT serta tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu (al-Nūr [24]: 55).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis tema-tema utama yang diketengahkan dalam *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām*. Secara khusus, kajian ini meneliti bagaimana naratif al-Quran digunakan untuk membentuk keyakinan terhadap kemenangan Islam, di samping mengkaji dimensi teologikal, psikologi dan sosiologi yang terkandung dalam tema-tema tersebut. Pendekatan ini membolehkan analisis lebih komprehensif terhadap fungsi al-Quran sebagai sumber inspirasi dan kekuatan dalam menghadapi cabaran semasa.

Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya dalam memperkaya wacana tafsir tematik yang berorientasikan harapan dan ketahanan ummah. Kebanyakan kajian terdahulu cenderung melihat pemikiran al-Qaraḍāwī dalam kerangka umum *maqāṣid* dan *wasaṭiyyah*, tanpa meneliti bagaimana teks tertentu seperti *al-Mubashshirāt* berfungsi sebagai konstruk epistemologi bagi naratif kemenangan Islam. Dengan meneliti karya ini secara sistematik, kajian diharapkan dapat menawarkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana al-Quran berfungsi sebagai sumber motivasi spiritual dan sosial. Hal ini sejajar dengan pandangan bahawa tafsir kontemporari perlu berperanan sebagai alat memahami ayat al-Quran, tetapi juga sebagai mekanisme membina daya tahan umat Islam dalam menghadapi cabaran global (Andiko et al., 2024; Jumria et al., 2023). Oleh itu, kajian ini dinilai dapat menyumbang kepada pengembangan wacana pemikiran Islam moden yang menekankan keseimbangan antara analisis krisis dan naratif harapan, sekali gus memperkukuh keyakinan terhadap janji kemenangan yang dijanjikan oleh Allah SWT.

## 2. ULASAN LITERATUR

### *2.1 Penglibatan Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam wacana al-Quran*

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022) merupakan tokoh utama dalam pemikiran Islam kontemporari, khususnya dalam membentuk cara umat Islam (termasuk komuniti minoriti) dalam memahami al-Quran, mentafsir hukum dan menghubungkan warisan klasik dengan realiti semasa. Pendidikan formal beliau di Universiti al-Azhar serta penguasaan pelbagai disiplin ilmu Islam klasik menjadi asas kepada peranan pentingnya dalam jaringan fatwa transnasional (Nazih et al., 2024; Nur et al., 2020; Rahman, 2020). Penyelidikan turut menegaskan keterbukaan beliau terhadap dialog budaya serta komitmen menampilkan Islam sebagai peradaban yang menawarkan panduan praktikal dan beretika kepada masyarakat majmuk (Amiruddin et al., 2020; Rahman, 2020).

Salah satu dimensi penting ialah kepemimpinan beliau dalam membangunkan jaringan fatwa rentas sempadan, termasuk institusi seperti *European Council for Fatwa and Research* (ECFR). Dimensi ini berkait rapat dengan pendekatan *wasāṭiyyah* dan *maqāṣid* yang bertujuan menjadikan syariah lebih mudah diakses dan relevan bagi umat Islam minoriti di Eropah, Amerika Utara dan wilayah lain (Greer, 2023; Rzas, 2022; Wahib et al., 2020). Melalui platform ini, beliau mengembangkan sintesis antara al-Quran dan hukum yang menekankan kesejahteraan serta inklusiviti dalam masyarakat pelbagai.

Karya al-Qaraḍāwī merangkumi penulisan yang secara langsung berkaitan dengan al-Quran, seperti *Al-ʿAql wa al-ʿIlm fī al-Qur'ān*, *Al-Ṣabr fī al-Qur'ān*, *Tafsīr Sūrah al-Raʿd*, dan *Kayfa Nataʿāmal Maʿa al-Qur'ān al-ʿAẓīm* (Nazih et al., 2024). Empat karya yang disenaraikan ini menempatkan tafsir sebagai teras reformasi hukum Islam moden dengan mengaitkan pemahaman al-Quran kepada *maqāṣid* dan tujuan etika syariah. Kajian Kudhori et al. (2021) menunjukkan bagaimana pendekatan al-Qaraḍāwī terhadap surah al-Baqarah ayat 62 berasaskan interpretasi *maqāṣid*, sekali gus mempengaruhi kerangka ijtihad yang lebih luas.

Sementelah itu, pendekatan al-Qaraḍāwī tidak terbatas kepada penafsiran ayat secara terpisah, tetapi membentuk program menyeluruh yang melihat al-Quran sebagai sumber hidup dinamik. Penekanan terhadap *maqāṣid* sebagai kerangka utama menjadikan al-Quran relevan dalam menangani isu kontemporari seperti kehidupan kaum minoriti, kewangan Islam dan etika sosial (Akram, 2021; Amiruddin et al., 2020; Nazih et al., 2024; Nur et al., 2020). Dalam konteks ini, pemikiran tafsir beliau menghubungkan warisan klasik dengan keperluan semasa secara sistematik.

Nazih et al. (2024) menekankan bahawa pendekatan al-Qaraḍāwī melangkaui dimensi hukum semata-mata, merangkumi aspek antropologi Qurani yang menjelaskan bagaimana manusia memahami petunjuk Ilahi dalam konteks sosial dan politik. Karya seperti *Kayfa Nataʿāmal Maʿa al-Qur'ān al-ʿAẓīm* memperlihatkan pendekatan praktikal terhadap interaksi dengan al-Quran, berbanding tafsir yang bersifat teoritikal semata-mata (Kudhori et al., 2021). Karya seperti *Tafsīr Juz ʿAmma* dan *Tafsīr Sūrah al-Raʿd* menunjukkan kesinambungan penglibatan al-Qaraḍāwī dalam pentafsiran pelbagai bahagian surah al-Quran (Nazih et al., 2024). Penulisan seperti *Al-ʿAql wa al-ʿIlm fī al-Qur'ān* dan *Al-Ṣabr fī al-Qur'ān* pula menonjolkan dimensi kognitif dan moral al-Quran yang memperluas fungsi wahyu sebagai sumber epistemologi dan psikologi moral.

Dari sudut metodologi, al-Qaraḍāwī menggabungkan sumber tradisional dengan keperluan moden melalui ijtihad, tarjih dan pendekatan kreatif (*ibdāʿī*). Pendekatan sebegini dinilaikan sebagai dinamik dan berteraskan al-Quran dalam menangani perubahan sosial (Amrin & Amirullah, 2022). Konsep *wasāṭiyyah* beliau pula berfungsi sebagai prinsip hermeneutik yang menyeimbangkan antara ketegasan ayat al-Quran dan realiti moden serta dianggap sebagai penghubung antara ketundukan kepada kehendak wahyu dengan keperluan praktikal masyarakat (Amiruddin et al., 2020; Rzas, 2022). Dalam kerangka ini, *maqāṣid al-sharīʿah* berperanan sebagai horizon interpretasi utama yang membimbing aplikasi al-Quran dalam bidang seperti hak kaum minoriti, kewangan Islam, bioetika dan hubungan sosial (Akram, 2021; As-Suvi & Zuhriah, 2023; Nazih et al., 2024; Nur et al., 2020).

Selaras dengan itu, pendekatan Qurani al-Qaraḍāwī menyokong pembentukan *fiqh al-aqalliyyāt* yang menyesuaikan prinsip Islam dengan masyarakat plural. Literatur terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan ini bertujuan mengharmonikan komitmen agama dengan prinsip kesaksamaan sivik (Adegoke, 2021; Asror et al., 2023; As-Suvi & Zuhriah, 2023). Penglibatan beliau dalam ECFR memperkukuh usaha ini melalui fatwa yang responsif terhadap realiti masyarakat pelbagai (Greer, 2023; Rzas, 2022; Wahib et al., 2020). Selain itu, pendekatan beliau turut melibatkan isu etika sosial seperti perkahwinan misyar yang dianalisis melalui kerangka *maqāṣid*. Walaupun isu ini dibincangkan dari sudut hukum, dimensi tafsir al-Quran tetap memainkan peranan dalam menilai keseimbangan antara hak dan maslahat (Jumria et al., 2023). Pendekatan *wasāṭiyyah* beliau juga dikaitkan dengan dialog antara agama dan diplomasi peradaban, menjadikan al-Quran asas interaksi harmoni dalam masyarakat plural (Andiko et al., 2024).

Walau bagaimanapun, terdapat perbahasan dalam kalangan sarjana mengenai sejauh mana pendekatan *wasāṭiyyah* dan *maqāṣid* al-Qaraḍāwī harus mempengaruhi ruang politik dan hubungan antara agama. Sebahagian sarjana menekankan sifat pragmatik yang memudahkan kehidupan minoriti, manakala yang lain meneliti

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

implikasi politik daripada penglibatan beliau dalam jaringan fatwa global (Greer, 2023; Rahman, 2020; Rzas, 2022). Perbezaan ini mencerminkan kepelbagaian fokus kajian dan bukannya percanggahan asas terhadap projek Qurani beliau.

Secara keseluruhan, kehidupan, karya dan keterlibatan al-Qaraḍāwī dengan al-Quran memperlihatkan model yang menggabungkan tradisi klasik dengan pendekatan *maqāṣid*, berasaskan prinsip *wasāṭiyyah* dan *fiqh al-aqalliyyāt*. Karya beliau, khususnya *Kayfa Nataʿāmal Maʿa al-Qurʾān al-ʿAẓīm*, menyediakan kerangka interpretasi yang menghubungkan pembacaan al-Quran dengan aplikasi praktikal dalam pelbagai bidang kehidupan. Literatur menunjukkan kesepakatan tentang kepentingan *maqāṣid* dan kesederhanaan dalam pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī, walaupun terdapat perbezaan pandangan mengenai dimensi politik dan institusi. Secara keseluruhannya, pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī merupakan sumbangan penting dalam usaha menjadikan etika al-Quran relevan dan aplikatif dalam masyarakat Muslim global yang pelbagai.

### *2.2 Sinopsis Buku al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām*

Buku *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* membicarakan tentang berita-berita baik berkenaan kemenangan Islam. Al-Qaraḍāwī (2004) yakin dengan penulisan buku tersebut sangat signifikan mutakhir ini diasaskan oleh empat (4) sebab:

#### 2.2.1 Anjuran menyebarkan berita baik

Umat Islam secara umumnya dianjurkan untuk membawa khabar gembira dan bukannya yang menakutkan. Sebagaimana tuntutan supaya memudahkan dan tidak menyukarkan urusan umat. Apabila Rasulullah SAW mengutuskan Muʿadh ibn Jabal RA dan Abū Mūsā al-Ashʿarī RA ke Yaman, Baginda SAW telah menasihati mereka dengan ungkapan hadis yang ringkas dan lengkap (Al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab, Bāb Qawl al-Nabī SAW Yassirū wa lā Tuʿassirū*..., No. Hadis 5773):

يَسِّرَا وَلَا تُعَسِّرَا وَبَشِّرَا وَلَا تُنَفِّرَا وَتَطَاوَعَا

Maksudnya:

*"Permudahkanlah, jangan kamu berdua menyusahkan. Bawalah berita gembira, jangan membawa berita yang menakutkan serta bertolak ansur antara satu sama lain."*

Selain itu, Rasulullah SAW turut memerintahkan umat Islam keseluruhannya untuk melakukan perkara yang sama, sebagaimana yang diriwayatkan oleh khadam Baginda SAW, Anas ibn Mālik RA dalam riwayat yang lain (Al Walidah, 2017). Menerusi buku ini, al-Qaraḍāwī (2004) melahirkan rasa syukur terhadap Allah SWT kerana telah diberikan petunjuk agar sentiasa berada di atas manhaj fleksibel tersebut, sama ada dalam urusan fatwa ataupun dakwah. Semasa berfatwa, al-Qaraḍāwī memilih jalan yang memudahkan, sedangkan dalam urusan dakwah, beliau membawa khabar gembira dan tidak menakutkan.

#### 2.2.2 Memotivasi umat Islam dalam situasi sukar

Al-Qaraḍāwī (2004) berpandangan bahawa umat Islam amnya dan para pendukung Islam khasnya telah melalui situasi-situasi yang sukar di dalam lembaran sejarah. Hampir-hampir kekecewaan dan rasa gagal telah mewarnai helaian kisah hidup mereka (Zain, 2014). Jika perasaan ini dilayan, ia pasti akan membunuh keazaman dan tekad serta cita-cita. Sedangkan semangat inilah yang telah menggerakkan kehendak mereka untuk bekerja dan berusaha untuk Islam.

Menurut al-Qaraḍāwī (2004), perasaan negatif ini berpunca daripada serangan yang tidak putus-putusnya yang dilancarkan oleh musuh-musuh Islam dengan penuh muslihat ke arah kebangkitan Islam dan gerakan Islam. Ia bertujuan untuk memadamkan cahaya Islam, memberhentikan langkah dan mematikan kesedarannya. Dalam urusan ini, mereka telah meminta bantuan daripada pemerintah umat Islam yang ditakut-takutkan dengan kebangkitan Islam serta diarahkan supaya menyerang gerakan dakwah. Justeru menurut beliau, perkara ini amat mendukacitakan. Hal ini kerana permintaan mereka telah dilayan oleh pemerintah umat Islam yang takutkan kemenangan Islam. Dengan begitu, ia bakal menghalang kehendak, merentap segala pendapatan haram mereka dan bimbang jika mereka tidak lagi ditakuti oleh rakyat yang akan mengadili segala penyelewengan mereka.

2.2.3 Menangkis serangan musuh menerusi perang saraf

Al-Qaraḍāwī (2004) menilai pakatan musuh Islam telah mengisytiharkan perang saraf ke atas umat Islam. Harapan umat Islam bahawa hari esok adalah lebih baik dan masa depan Islam yang lebih cerah cuba dihapuskan oleh mereka. Serangan-serangan menggila mula digerakkan oleh hati-hati yang gelisah yang diterajui oleh pena-pena yang digosok dan juru-juru cakap yang diarah untuk memfitnah, menodai dan mengotori setiap yang bergelar Islam. Mereka menuduh pendakwah-pendakwah Islam dan pendukung kebangkitan sebagai pelampau, kadang-kadang sebagai pengganas dan kadang-kadang sebagai fundamentalis. Mereka menggelarkan gerakan yang menyeru ke arah Islam yang lengkap (meliputi akidah, syariah, agama dan negara) sebagai Islam politik, sedangkan Islam yang hakiki mestilah melibatkan diri di dalam arena politik (Muhammad Mun'im, 2023).

Lantaran itu, al-Qaraḍāwī (2004) berhujah bahawa umat Islam bertanggungjawab menangkis serangan tersebut dengan senjata yang berlawanan, iaitu menyerukan kepercayaan tentang kemenangan Islam, menghidupkan harapan masa depannya dan menjana jiwa-jiwa generasi baru dengan cahaya yang dapat menerangi kegelapan kekecewaan serta mendung kegagalan.

2.2.4 Penerangan terhadap hakikat berita gembira dalam Islam

Berdasarkan penelitian al-Qaraḍāwī (2004), sudah tersebar dalam kalangan orang yang berminat tentang agama, idea yang negatif tentang akhir zaman atau dengan lain perkataan "masa depan umat yang lebih hampir kepada hitam jika tidak hitam pekat sekali pun." Idea ini telah diasaskan berdasarkan kefahaman daripada beberapa hadis berkenaan dengan fitnah, peristiwa berdarah dan tanda-tanda hari kiamat. Tetapi kefahaman ini ternyata tidak benar.

Oleh itu, al-Qaraḍāwī bertegas dengan keperluan umat Islam terhadap penerangan hakikat-hakikat berita gembira yang telah lenyap daripada kebanyakan orang. Ia sama ada dari al-Quran, hadis, lembaran sejarah, realiti semasa dan ketetapan (*sunnatullah*) Allah SWT yang tidak mungkin boleh ditukar ganti. Dengan begitu, setiap pendakwah Islam mestilah mempunyai keyakinan tentang janji-janji baik Allah SWT, memberi khabar gembira tentang masa depan risalah penutup ini, dakwah yang abadi dan menolak kekecewaan yang merupakan faktor kekufuran dan putus asa yang menjadi petanda kepada kesesatan (Mubarak & Halid, 2020).

Fenomena demikian yang didapati oleh al-Qaraḍāwī (2004) terhadap imam syahid Ḥasan al-Bannā' (1906-1949) yang tidak pernah memadamkan sinar harapan di dalam dadanya walau ada saat-saat yang genting. Betapa banyak karya-karya beliau yang telah menghidupkan dan menyegarkan sinar harapan tersebut. Al-Qaraḍāwī menukil penegasan Ḥasan al-Bannā': *"Hakikat-hakikat hari ini adalah mimpi-mimpi kelmarin, dan mimpi-mimpi hari ini adalah hakikat-hakikat esok hari."* Selain itu, menurut al-Qaraḍāwī, imam Sayyid Quṭb (1906-1966) telah menghasilkan karya beliau bertajuk *al-Mustaqbal li Hādha al-Dīn*. Begitulah keadaannya para pendakwah sejati yang lain.

Seterusnya al-Qaraḍāwī (2004) menutup mukadimah dalam karyanya *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* dengan kata-katanya: *"Kita menyebarkan berita kebaikan dan mengharapkan kebaikan"*, sambil menukilkan surah al-Naml [27] ayat 93. Menurut penulis, konsep *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* mempunyai kepentingan yang besar dalam membina keyakinan umat, menyuburkan harapan dan mengukuhkan keteguhan mereka ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran. Prinsip ini berasaskan keyakinan bahawa agama Allah SWT akan sentiasa dipelihara dan ditinggikan, walaupun umat Islam melalui fasa kelemahan, tekanan atau kemunduran. Ungkapan *"Kita menyebarkan berita kebaikan dan mengharapkan kebaikan"* mencerminkan manhaj Islam yang menyeru umat agar memupuk sikap optimis (*tafā'ul*) dan *husn al-ẓann* terhadap janji Allah SWT. Penyebaran berita-berita kemenangan Islam bukan bertujuan mencipta angan-angan kosong, tetapi untuk memperkukuh semangat, meningkatkan motivasi dakwah dan menanam keyakinan bahawa pertolongan Allah SWT pasti akan tiba kepada orang yang beriman dan berusaha. Dalam konteks ini, firman Allah SWT dalam surah al-Naml [27] ayat 93 memberikan isyarat bahawa Allah SWT akan menzahirkan bukti-bukti kebesaran dan kebenaran agama-Nya sehingga manusia dapat menyaksikannya sendiri. Oleh itu, *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* berfungsi sebagai wahana membina keyakinan terhadap sunnatullah dalam sejarah, bahawa kebenaran akhirnya akan terserlah dan kebatilan akan tersingkir.

## 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan bagi meneliti pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī, khususnya keterlibatan beliau dengan al-Quran dan metodologi tafsir dalam konteks kontemporari. Pendekatan ini dipilih kerana kajian berfokus kepada analisis teks, idea dan wacana ilmiah yang terkandung dalam karya utama serta penulisan sarjana berkaitan.

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

Reka bentuk kajian bersifat deskriptif-analitikal yang membolehkan kajian memberikan perhatian kepada konteks, makna dan fungsi sosial sesuatu amalan, berbanding dengan sekadar menghimpunkan data secara deskriptif. Reka bentuk kajian ini selari dengan amalan penyelidikan dalam bidang sejarah, pengajian Islam serta kajian kemanusiaan yang menekankan interpretasi makna, pembacaan konteks dan kefahaman mendalam terhadap fenomena sosial, berbanding dengan pendekatan kuantitatif yang berorientasikan generalisasi statistik (Creswell & Creswell, 2017). Dalam hal ini, kajian menghuraikan secara sistematik latar pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī serta menganalisis struktur metodologi tafsir yang digunakan. Pendekatan deskriptif digunakan untuk menjelaskan biografi, karya utama dan pengaruh intelektual beliau. Pendekatan analitikal pula diaplikasikan bagi menilai kerangka metodologi seperti *maqāṣid*, *wasāṭiyyah*, dan *fiqh al-aqalliyyāt* dalam pentafsiran al-Quran.

Adapun data kajian diperoleh daripada dua kategori utama, sumber primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi karya al-Qaraḍāwī yang berkaitan secara langsung dengan al-Quran dan tafsir, seperti *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām*. Manakala sumber sekunder terdiri daripada artikel jurnal, buku akademik dan kajian terdahulu yang membincangkan pemikiran beliau, termasuk aspek *maqāṣid*, *wasāṭiyyah*, *fiqh al-aqalliyyāt*, serta peranan dalam jaringan fatwa global (Rahman, 2020; Nazih et al., 2024; Nur et al., 2020; Kudhori et al., 2021). Pemilihan sumber dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kerelevanan dengan fokus kajian, khususnya karya yang membincangkan dimensi pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī.

Data dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi, iaitu meneliti, membaca, dan mengekstrak maklumat daripada teks terpilih. Proses ini melibatkan tema utama seperti:

a. Kisah para Rasul, mukmin dan kafir
b. Bantuan Allah SWT kepada orang beriman
c. Janji Allah SWT menggagalkan tipu daya kaum kafir
d. Kehadiran kaum yang mencintai orang beriman
e. Janji Allah SWT memperlihatkan tanda kebesaran-Nya

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan tematik melibatkan lima langkah utama seperti dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006):

a. Pembiasaan terhadap kandungan tajuk dan abstrak
b. Pengekodan awal untuk mengenal pasti kata kunci dan konsep berulang
c. Pengelompokan kod kepada tema awal
d. Semakan dan penghalusan tema
e. Penamaan tema bagi menggambarkan makna kolektif dalam teks yang dianalisis.

Adaptasi daripada pendekatan di atas membolehkan kajian menilai secara mendalam hubungan antara ayat al-Quran, metodologi tafsir dan aplikasi hukum dalam pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī. Bagi memastikan kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*), kajian ini menggunakan teknik triangulasi sumber dengan membandingkan rujukan primer dan sekunder (Kamarudin, Khairuddin, & Mansor, 2022). Penekanan diberikan kepada sumber akademik berwibawa serta penerbitan yang melalui proses semakan rakan sebaya (*peer-reviewed*). Konsistensi analisis dijaga melalui penggunaan kerangka konsep yang jelas dan berulang dalam keseluruhan kajian.

## 4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Al-Qaraḍāwī mengklasifikasikan berita gembira atau *al-Mubashshirāt* dalam al-Quran kepada lima (5) kategori:

### *4.1 Kisah para Rasul, Mukmin dan Kafir*

Karya *al-Mubashshirāt* menonjolkan kisah para rasul sebagai model perjuangan yang berhadapan dengan penentangan golongan kafir serta keteguhan golongan mukmin dalam mempertahankan akidah. Naratif ini disusun secara tematik bagi menunjukkan pola sunnatullah yang berulang (*recurring pattern*) dalam sejarah dakwah, iaitu konflik antara kebenaran dan kebatilan (Nuryadi, 2025). Penekanan diberikan kepada ketabahan para rasul dan pengikut mereka yang akhirnya membawa kepada kemenangan moral dan spiritual. Kisah-kisah ini berfungsi sebagai instrumen didaktik yang memperkukuh keyakinan umat Islam terhadap kesinambungan sunnatullah dalam sejarah.

Menurut al-Qaraḍāwī (2004: 16), antara berita gembira al-Quran ialah kisah para Rasul, orang beriman dan musuh-musuh mereka daripada kalangan musyrikin. Begitu juga dengan kisah kesudahan yang mereka lalui. Antaranya ialah kisah Nabi Musa AS, kaumnya, Firaun serta sekutu-sekutunya. Allah SWT telah menukarkan Bani Israel di bawah pimpinan Nabi Musa AS daripada satu keadaan kepada keadaan lain, menenggelamkan

Firaun serta bala tenteranya, melaksanakan kehendak Allah SWT dengan meneguhkan golongan *mustaḍ'afīn* (lemah) dan menghancurkan sebuah negara *ṭāghūt* yang takabbur. Al-Qaraḍāwī (2004) mendatangkan hujah daripada surah al-Qaṣaṣ [28] ayat 4 hingga 6:

﴿إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي ٱلْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضْعِفُ طَآئِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَآءَهُمْ وَيَسْتَحْيِۦ نِسَآءَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ۝٤ وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِي ٱلْأَرْضِ وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ ۝٥ وَنُمَكِّنَ لَهُمْ فِي ٱلْأَرْضِ وَنُرِىَ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَحْذَرُونَ ۝٦﴾

Maksudnya:

*Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta ia menjadikan penduduknya berpuak-puak. Ia menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia dari golongan yang membuat kerosakan. Dan Kami hendak berihsan dengan memberikan pertolongan kepada kaum yang tertindas di negeri itu, dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, serta hendak menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (apa yang dimiliki oleh Firaun dan kaumnya). Dan Kami hendak memberi mereka kedudukan yang kukuh di negeri itu, serta hendak memperlihatkan kepada Firaun dan Haman bersama-sama tentera mereka apa yang mereka bimbangkan dari golongan yang bertindas itu.*

Al-Qaraḍāwī (2004: 17) menyatakan bahawa kehendak Allah SWT telah mentakdirkan Firaun, tentera dan sekutunya yang telah menyembelih ramai kanak-kanak lelaki sehingga tidak wujud dalam kalangan mereka yang mampu menggugat kerajaan di tangannya. Namun, kanak-kanak yang dijanjikan itu memasuki istana Firaun dengan kehendaknya sendiri. Ia membesar di dalamnya, di hadapan pandangan dan pendengaran Firaun tanpa disedarinya. Perkara ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Qaṣaṣ [28] ayat 8:

﴿فَٱلْتَقَطَهُۥٓ ءَالُ فِرْعَوْنَ لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا وَحَزَنًا ۗ إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟ خَٰطِـِٔينَ ۝٨﴾

Maksudnya:

*Setelah itu dia dipungut oleh orang-orang Firaun; kesudahannya dia akan menjadi musuh dan menyebabkan dukacita bagi mereka; sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.*

Namun Allah SWT berkehendak untuk menganugerahkan nikmat-Nya kepada golongan *mustad'afūn* ini tanpa batasan. Allah SWT mahu menjadikan mereka sebagai pemimpin dan penggerak, bukan hamba dan pengikut. Allah SWT mahu mewariskan kepada mereka bumi yang diberkati setelah mereka membuktikan kelayakan melalui iman dan amal salih. Allah SWT mahu meneguhkan kedudukan mereka di bumi, menjadikan mereka kuat, kukuh dan tenteram. Dengan itu, Allah SWT merealisasikan apa yang ditakuti oleh Firaun, Hāmān dan bala tenteranya, sesuatu yang mereka cuba halang dengan segala langkah berjaga-jaga, sedangkan mereka tidak menyedarinya (Quṭb, 2003/5: 2678).

Menurut Ibn 'Āshūr (t.th./21:71), Allah SWT menyebut secara khusus empat bentuk anugerah (*al-mann*) yang diiringkan dengan perbuatan *namunnu* (Kami akan menganugerahkan), iaitu bentuk pengkhususan setelah umum (*'athf al-khāṣṣ 'alā al-'ām*). Empat perkara tersebut ialah:

a. Menjadikan mereka sebagai pemimpin (*a'immah*)

Allah SWT mengeluarkan mereka daripada kehinaan perhambaan, lalu menjadikan mereka sebuah umat yang merdeka, memiliki urusan sendiri dengan syariat yang adil, sistem muamalat yang tersusun, kekuatan untuk mempertahankan diri daripada musuh, kerajaan yang murni serta tamadun yang lengkap sehingga mengatasi tamadun jiran mereka. Dengan itu, mereka menjadi teladan bagi umat lain dalam urusan kesempurnaan dan pencarian kebahagiaan. Inilah maksud menjadikan mereka sebagai *a'immah*, iaitu umat lain mencontohi mereka dan menyeru manusia kepada kebaikan. Puncak pencapaian ini dapat dilihat pada kerajaan Israel di zaman Nabi Sulaiman AS.

b. Menjadikan mereka sebagai pewaris (*al-wārithīn*)

Allah SWT memberikan kepada mereka negeri kaum lain dan menjadikan berkuasa di dalamnya. Istilah *al-irth* (warisan) digunakan secara kiasan untuk menggambarkan penggantian kedudukan umat lain dengan mereka. Penggunaan *al-wārithīn* di sini adalah dalam bentuk *ta'rīf al-jins* yang menunjukkan bahawa mereka adalah ahli

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

warisan khusus, iaitu warisan kekuasaan di bumi setelah penguasa sebelumnya. Allah SWT mewariskan kepada mereka tanah kaum Kanaan, Hiti, Amori dan Arami, menggantikan kedudukan mereka yang dahulu dikenali sebagai kaum yang gagah perkasa (*jabbārīn*), sebagaimana firman Allah SWT (Al-Mā'idah [5]: 22).

c. Memberikan mereka kedudukan kukuh di bumi (*tamkīn*)

Maksudnya ialah meneguhkan kekuasaan di bumi yang mereka miliki, iaitu bumi Syam. Namun, ia juga boleh difahami sebagai penguatan kedudukan mereka dalam kalangan umat-umat dunia.

d. Menjadikan kejatuhan kerajaan Firaun (*zawāl mulk Firaun*)

Apa yang ditakuti oleh Firaun ialah runtuhnya kekuasaannya disebabkan seorang lelaki daripada Bani Israel, sebagaimana telah diperingatkan oleh para ahli nujum. Maka Allah SWT menjadikan ketakutan itu suatu kenyataan melalui mereka.

Kisah Nabi Musa AS dan Firaun ini menurut al-Qaraḍāwī (2004: 17) antara kisah yang telah disebutkan oleh al-Quran secara jelas. Allah SWT telah mengutuskan Nabi Musa AS sebagai Rasul kepada Firaun serta kaumnya. Bersama-sama beliau ialah saudaranya bernama Harun AS. Pertemuan dan pertembungan telah berakhir dengan kekalahan Firaun di tangan ahli-ahli sihirnya sendiri yang akhirnya sujud dengan rendah diri (Al-A'rāf [7]: 121 & 122). Ekoran daripada itu, Firaun menjadi berang dan mula menggertak dan mengugut. Kemarahannya semakin membara dan menjadi-jadi. Lalu Allah SWT telah mewahyukan kepada Nabi Musa AS agar membawa para pengikutnya melarikan diri pada waktu malam (Al-Shu'arā' [26]: 53-59) (Al-Qaraḍāwī, 2004: 17).

Pendekatan ini memperlihatkan kecenderungan al-Qaraḍāwī untuk mengalihkan fungsi tafsir daripada sekadar deskriptif historikal kepada normatif transformatif, iaitu membentuk kesedaran kolektif umat Islam bahawa kemenangan kebenaran merupakan sebahagian daripada hukum Ilahi yang berterusan. Al-Qaraḍāwī (2004) mentransformasikan kisah tersebut kepada instrumen didaktik dan psikospiritual, yang bertujuan membina keyakinan umat Islam dalam menghadapi realiti kontemporari. Dalam konteks ini, kisah Nabi Musa AS dan Firaun tidak hanya difahami sebagai peristiwa lampau, tetapi sebagai model epistemologi yang menunjukkan bahawa golongan *mustaḍ'afīn* berpotensi menjadi agen perubahan melalui intervensi Ilahi.

Dari perspektif sosiologi, kisah para rasul menggambarkan proses perubahan sosial (*social change*) dan konflik sosial (social conflict) yang berlaku apabila sistem nilai baharu diperkenalkan dalam sesebuah masyarakat. Para rasul berfungsi sebagai agen perubahan yang membawa norma, nilai dan pandangan dunia yang baharu. Kehadiran mereka mencabar struktur sosial, budaya dan keagamaan yang telah lama berakar dalam masyarakat. Penentangan golongan kafir pula mencerminkan usaha mempertahankan status quo, kedudukan sosial dan sistem kuasa yang sedia ada. Keadaan ini selari dengan pandangan sosiologi bahawa perubahan sosial lazimnya mencetuskan pertentangan antara kelompok yang mempunyai kepentingan dan identiti yang berbeza (Prayogi, Nasrullah, Setiawan, & Setyawan, 2025).

Selain itu, tema ini juga boleh dianalisis melalui Teori Identiti Sosial (*Social Identity Theory*) oleh Henri Tajfel dan John Turner, yang menjelaskan bahawa individu membina identiti diri melalui keanggotaan dalam kumpulan tertentu dan cenderung membezakan antara *ingroup* (kami) dan *outgroup* (mereka). Dalam kisah para rasul, pembahagian antara golongan mukmin dan kafir memperlihatkan proses pembentukan identiti kelompok yang jelas, termasuk kesetiaan terhadap kumpulan sendiri dan penentangan terhadap kumpulan lain. Menurut Tajfel dan Turner (2001), identiti sosial terhasil daripada keanggotaan individu dalam sesuatu kumpulan dan perbandingan antara kumpulan (*ingroup-outgroup comparison*). Proses ini menghasilkan kesetiaan kumpulan dan sempadan sosial yang membezakan "kami" daripada "mereka". Dalam kerangka sosiologi agama, fenomena ini juga bertepatan dengan pandangan Durkheim (2016) bahawa agama berfungsi membentuk komuniti moral melalui perkongsian nilai dan kepercayaan yang membezakan anggota kumpulan daripada kelompok lain.

### *4.2 Bantuan Allah SWT kepada Orang Beriman*

Tema bantuan Ilahi ditegaskan sebagai faktor utama dalam memastikan kelangsungan dan kemenangan golongan beriman. Karya *al-Mubashshirāt* menggariskan bahawa pertolongan Allah SWT hadir dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui kemenangan zahir, ketenangan batin atau penguatan spiritual. Penulis menekankan bahawa bantuan ini berkait rapat dengan syarat-syarat tertentu seperti keimanan yang teguh, kesabaran dan komitmen terhadap perjuangan Islam. Justeru, kemenangan tidak semata-mata bergantung kepada kekuatan material, tetapi kepada hubungan spiritual dengan Allah SWT.

Berita gembira dalam al-Quran turut menceritakan tentang janji Allah SWT terhadap orang beriman yang akan mendapati bantuan, keselamatan, pertahanan dan ketuanan daripada Allah SWT (Al-Qaraḍāwī, 2004: 18). Perihal ini Allah SWT berfirman dalam surah al-Rūm [30]: 47:[1]

﴿وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوۡمِهِمۡ فَجَآءُوهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَٱنتَقَمۡنَا مِنَ ٱلَّذِينَ أَجۡرَمُواْۖ وَكَانَ حَقًّا عَلَيۡنَا نَصۡرُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٤٧﴾

Maksudnya:

*Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) Rasul-rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya keterangan-keterangan yang jelas nyata; kemudian Kami menyeksa orang-orang yang berlaku salah (mengingkarinya); dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman.*

Menurut al-Rāzī (2004/25: 116), frasa ayat *wa kāna ḥaqqan* mempunyai dua bentuk pentafsiran:

a. Maksudnya *fantaqamnā wa kāna al-intiqām ḥaqqan* yakni pembalasan itu adalah suatu kebenaran. Kemudian Allah SWT memulakan ayat baharu *'alaynā naṣr al-mu'minīn*. Dengan itu, ia menjadi khabar gembira kepada orang-orang beriman yang beriman kepada Rasulullah SAW bahawa pertolongan Allah SWT adalah suatu kewajipan bagi mereka. Lafaz ini mengandungi satu kelembutan (*laṭīfah*), apabila Allah SWT menyebut *fantaqamnā*, dijelaskan bahawa pembalasan itu bukanlah kezaliman, tetapi keadilan yang benar. Hal ini kerana pembalasan hanya berlaku setelah kewujudan mereka tidak lagi memberi manfaat kecuali menambah dosa dan melahirkan generasi kafir yang fasik. Maka ketiadaan mereka lebih baik daripada kewujudan mereka yang buruk.

b. Maksudnya *wa kāna ḥaqqan 'alaynā naṣr al-mu'minīn* yakni pertolongan kepada orang beriman adalah suatu kewajipan atas Allah SWT. Lafaz ini mengandungi kelembutan lain, penggunaan kata *'alā* menunjukkan makna kelaziman (*iltizām*). Apabila Allah SWT menegaskan dengan kata *ḥaqqan*, ia menguatkan lagi makna tersebut. Pertolongan di sini bermaksud kemenangan yang tidak berakhir dengan kebinasaan. Jika satu pihak kalah pada awalnya tetapi akhirnya kembali menang, maka kemenangan hakiki adalah milik pihak yang sebelumnya kalah.

Demikianlah Nabi Musa AS dan kaumnya, meskipun mereka pada awalnya lari daripada Firaun, akhirnya dia ditenggelamkan. Kekalahan sementara itu sebenarnya adalah kemenangan. Begitu juga, jika orang kafir mengalahkan orang Islam pada suatu ketika, itu bukanlah kemenangan hakiki kerana tiada kesudahan yang baik bagi mereka (Al-Rāzī, 2004/25: 116).

Abū al-Sa'ūd (t.th./7: 64) menambahkan bahawa frasa ayat *Wa kāna ḥaqqan 'alaynā naṣr al-mu'minīn* mengandungi unsur tambahan penghormatan dan pemuliaan bagi orang-orang beriman. Mereka dijadikan seolah-olah berhak atas Allah SWT untuk diberikan pertolongan. Ayat ini juga memberi isyarat bahawa pembalasan terhadap orang kafir dilakukan demi kepentingan orang beriman. Ada kemungkinan bacaan berhenti pada lafaz *ḥaqqan* dengan mengaitkannya kepada perbuatan *al-intiqām* (pembalasan). Namun, penempatan ayat ini di tengah-tengah perbahasan tentang keadaan angin dan hukum-hukumnya boleh difahami sebagai bentuk *i'tirāḍ* (sisipan retorik) antara konteks sebelumnya dan sesudahnya. Tujuannya ialah untuk memberi peringatan kepada orang kafir, agar mereka tidak lalai daripada menunaikan kewajipan syukur yang dituntut. Hal ini ditegaskan dengan firman Allah SWT *La'allakum tashkurūn* (supaya kamu bersyukur) sebagai balasan atas nikmat yang diberikan melalui pengutusan angin, agar mereka tidak ditimpa azab yang menimpa umat-umat terdahulu.

Menurut al-Qaraḍāwī (2004: 19), kesedaran atas anugerah Ilahi ini akan menjadi bertambah kuat apabila orang beriman menghadapi cubaan serta suasana genting. Begitu juga ketika mengalami kesempitan harta, kesakitan tubuh badan dan penggugatan jiwa. Pada masa itu, pertolongan Allah SWT adalah lebih hampir kepada mereka, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* [2] ayat 214.

Sehubungan dengan itu, al-Qaraḍāwī (2004: 20) menilai bahawa rungutan daripada sebahagian kaum tentang masa ketibaan pertolongan Allah SWT sebagai sifat manusiawi yang tergopoh-gapah. Pada ayat ini, Allah SWT telah menenteramkan perasan mereka dengan firman-Nya yang termaktub di akhir ayat *{Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah SWT itu dekat}*. Namun begitu, menurut al-Qaraḍāwī, pertolongan tersebut tidak akan dipercepatkan lantaran seseorang meminta dipercepatkan. Sebaliknya setiap sesuatu telah ditakdirkan dalam jangka masa yang telah ditentukan, tidak didahulukan atau dikemudiankan. Allah SWT berfirman dalam surah Yūsuf [12] ayat 110.

[1] Rujuk juga surah Yūnus [10]: 103, al-Ḥajj [22]: 38, al-Baqarah [2]: 257 dan al-Anfāl [8]: 19.



Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

Menerusi ayat ini, al-Qaraḍāwī (2004: 19) menekankan bahawa bentuk ungkapan dan makna yang terkandung dalam firman Allah: (اسْتَيْأَسَ الرُّسُلُ) ia merujuk kepada keadaan para rasul yang hampir berputus asa setelah sekian lama menantikan pertolongan Ilahi, namun kemenangan tidak datang pada waktu yang mereka harapkan. Firman seterusnya: وَظَنُّوا أَنَّهُمْ قَدْ كُذِبُوا, kata ganti nama dalam lafaz ظنوا kembali kepada kaum yang telah didatangi para rasul, sebagaimana disebut dalam ayat sebelumnya. Mereka menyangka bahawa Allah SWT telah mengingkari janji-Nya kepada para rasul, dan bahawa janji kemenangan itu tidak benar.

Menurut al-Qaraḍāwī (2004: 20), di sinilah muncul kejutan besar setelah para rasul hampir berputus asa dan setelah kaum musyrikin berprasangka buruk terhadap mereka, datanglah pertolongan Allah SWT: جَاءَهُمْ نَصْرُنَا فَنُجِّيَ مَن نَّشَاءُ. Pertolongan itu hadir pada saat yang paling diperlukan dan pada waktu yang paling diharapkan. Pada saat keadaan menjadi sempit dan ketika mereka menunggu jalan keluar daripada Allah SWT. Hal ini sebagaimana firman-Nya (Al-Baqarah [2]: 214) (Ibn Kathīr, 2002/4: 425). Firman Allah SWT menegaskan: وَلَا يُرَدُّ بَأْسُنَا عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ, inilah sunnatullah terhadap kaum yang berdosa, mereka akan sentiasa diburu dengan azab Ilahi sehingga dididik, dikenalkan dengan kelemahan diri dan dikekang daripada kesombongan serta keangkuhan mereka. Daripada pengalaman sejarah ini, tertanam keyakinan dalam akal dan hati umat Islam bahawa setiap krisis yang semakin memuncak sebenarnya menandakan dekatnya jalan keluar.

Tema ini memperlihatkan bahawa al-Qaraḍāwī membina konsep *nasr al-ilāhī* sebagai suatu konstruk teologi yang bersifat dinamik dan berlapis. Bantuan Ilahi tidak dibataskan kepada kemenangan fizikal, tetapi merangkumi dimensi psikologi, spiritual dan moral. Al-Qaraḍāwī (2004) mengembangkan konsep ini kepada satu kerangka yang lebih aplikatif dengan menekankan bahawa kemenangan boleh bersifat tertangguh (*delayed victory*) dan tidak semestinya bersifat segera atau material. Pendekatan ini mempunyai implikasi penting dalam konteks kontemporari, di mana umat Islam sering berhadapan dengan krisis dan tekanan. Dengan mentafsir bantuan Ilahi sebagai proses yang berkait dengan kesabaran, ujian dan pemurnian iman, al-Qaraḍāwī membentuk satu naratif yang menyokong pembinaan ketahanan spiritual (*spiritual resilience*). Hal ini menunjukkan bahawa tafsir berfungsi sebagai mekanisme psikologi yang menstabilkan emosi kolektif umat Islam dalam situasi ketidaktentuan.

### *4.3 Janji Allah SWT untuk Menggagalkan Tipu Daya Kaum Kafir*

Salah satu tema penting ialah penegasan bahawa segala bentuk perancangan dan tipu daya golongan kafir pada akhirnya akan digagalkan oleh Allah SWT. Karya *al-Mubashshirāt* mengaitkan konsep ini dengan prinsip keadilan Ilahi, di mana kebatilan tidak akan kekal. Analisis menunjukkan bahawa al-Qaraḍāwī menggunakan dalil-dalil al-Quran untuk menegaskan bahawa walaupun tipu daya tersebut kelihatan kuat pada peringkat awal, ia tetap berada dalam kawalan dan ketentuan Allah SWT. Tema ini berfungsi untuk menanam keyakinan bahawa kemenangan Islam adalah suatu kepastian yang dijanjikan.

Janji ini pelengkap kepada janji-Nya menolong orang-orang beriman. Allah SWT telah berfirman bahawa segala usaha mereka untuk memperdayakan Islam dan umatnya, serta ikhtiar berterusan mereka untuk memadamkan cahaya-Nya, pasti akan digagalkan. Tipu daya mereka akan dipatahkan dan segala panah beracun yang dilontarkan akan kembali menusuk dada sendiri (Al-Qaraḍāwī, 2004: 20). Perihal ini Allah SWT berfirman dalam surah Āli ʻImrān [3] ayat 12 & 13:[2]

﴿قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ سَتُغۡلَبُونَ وَتُحۡشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ١٢ قَدۡ كَانَ لَكُمۡ ءَايَةٞ فِي فِئَتَيۡنِ ٱلۡتَقَتَاۖ فِئَةٞ تُقَٰتِلُ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخۡرَىٰ كَافِرَةٞ يَرَوۡنَهُم مِّثۡلَيۡهِمۡ رَأۡيَ ٱلۡعَيۡنِۚ وَٱللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصۡرِهِۦ مَن يَشَآءُۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبۡرَةٗ لِّأُوْلِي ٱلۡأَبۡصَٰرِ ١٣﴾

Maksudnya:

*Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir itu: "Kamu akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihimpunkan (pada hari kiamat) ke dalam neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat yang disediakan." Sesungguhnya telah ada satu tanda (bukti) bagi kamu pada (peristiwa) dua pasukan yang telah bertemu (di medan perang); satu pasukan (orang-orang Islam) berperang pada jalan Allah (kerana mempertahankan agama Allah SWT), dan yang satu lagi dari golongan kafir musyrik. Mereka (yang kafir itu) melihat orang-orang Islam dengan pandangan mata biasa - dua kali ramainya berbanding dengan mereka sendiri. Dan Allah SWT sentiasa menguatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, dengan memberikan pertolongan-Nya. Sesungguhnya pada peristiwa itu terdapat satu pengajaran yang memberi insaf bagi orang-orang yang berfikiran (yang celik mata hatinya).*

Dua golongan yang disebut dalam ayat al-Quran ialah golongan orang beriman dan golongan musyrikin dalam Perang Badar. Allah SWT telah memberikan kemenangan kepada orang-orang beriman meskipun mereka lebih

[2] Rujuk juga surah al-Ṭāriq [86]: 15-17, al-Anfāl [8]: 30 dan Yūnus [10]: 81 & 82.



https://doi.org/10.53840/alirsyad.vXiX.XXX

sedikit bilangannya, lebih lemah dari segi kelengkapan dan persiapan dengan mengurniakan kepada mereka iman yang teguh, ketabahan hati, turunnya bala tentera-Nya, serta rasa takut yang dicampakkan ke dalam hati musuh. Takdir Ilahi turut berperanan dengan cara yang melampaui sebab-sebab kebiasaan. Sebagaimana firman Allah SWT (Al-Anfāl [8]: 17). Demikian juga firman Allah SWT mengenai pengusiran Bani Nadir daripada kalangan Yahudi (Al-Ḥashr [59]: 2) (Al-Qaraḍāwī, 2004: 22), yang menunjukkan kesinambungan sunnatullah dalam memperkukuh umat Islam dan melemahkan musuh-musuh mereka.

Menurut al-Qāsimī (1957/4: 803), Allah SWT menegaskan bahawa bagi kaum kafir terdahulu terdapat tanda dan pengajaran yang jelas, iaitu bahawa mereka pasti akan dikalahkan, dan bahawa Allah SWT akan mengangkat agama-Nya, menolong Rasul-Nya serta meninggikan urusan-Nya. Hal ini ditunjukkan melalui pertembungan dua golongan pada hari Badar:

a. Golongan beriman, Rasulullah SAW bersama para sahabat, berjumlah 313 orang, dengan kelengkapan yang amat terbatas: dua ekor kuda, enam perisai, lapan pedang, dan kebanyakan mereka berjalan kaki. Mereka berjuang di jalan Allah SWT, yakni dalam ketaatan kepada-Nya.

b. Golongan kafir, kaum musyrikin Quraisy berjumlah hampir seribu orang, lengkap dengan senjata.

Allah SWT menjadikan musyrikin melihat kaum Muslimin seolah-olah dua kali ganda jumlah mereka, hampir 2000 orang, meskipun hakikatnya mereka sedikit. Tujuannya ialah agar kaum musyrikin gentar, takut, dan enggan berperang. Ini merupakan bantuan daripada Allah SWT, sebagaimana Dia juga menguatkan mereka dengan malaikat. Jika ditanyakan tentang perbezaan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Anfāl وَيُقَلِّلُكُمْ فِي أَعْيُنِهِمْ *{Dan Dia menjadikan kamu sedikit pada pandangan mereka}*, maka jawapannya ialah bahawa keadaan itu berlaku dalam dua situasi berbeza. Pada mulanya Allah SWT menjadikan kaum Muslimin sedikit pada pandangan musyrikin agar mereka berani menyerang. Namun setelah pertembungan berlaku, Allah SWT menjadikan kaum Muslimin kelihatan ramai pada pandangan mereka, sehingga mereka kalah. Maka pengurangan dan penambahan bilangan itu berlaku dalam keadaan yang berbeza, sebagai tanda kekuasaan Allah SWT dan kejelasan mukjizat. Hal ini seumpama firman Allah SWT فَيَوْمَئِذٍ لا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ وَلا جَانٌّ *{Pada hari itu tidak ditanya tentang dosanya seorang manusia atau jin}* dan firman-Nya وَقِفُوهُمْ إِنَّهُمْ مَسْـــؤُولُونَ *{Tahanlah mereka, sesungguhnya mereka akan ditanya}*. Kedua-duanya tidak bercanggah kerana merujuk kepada keadaan yang berbeza. Demikianlah Allah SWT meneguhkan bahawa kemenangan golongan kecil yang kurang kelengkapan ke atas golongan besar yang lengkap bersenjata adalah suatu pengajaran, tanda dan peringatan bagi orang-orang yang berakal dan berpenglihatan (Al-Qāsimī, 1957/4: 803).

Al-Qaraḍāwī (2004) menggunakan dalil-dalil al-Quran untuk mencerminkan penegasan terhadap prinsip keadilan Ilahi (*'adl Ilāhī*) yang memastikan bahawa kebatilan tidak akan kekal. Beliau melakukan proses dekonstruksi terhadap konsep kuasa (power structures) dengan menegaskan bahawa kekuatan material tidak menentukan kemenangan mutlak. Sebaliknya, kekuasaan sebenar berada di bawah ketentuan Ilahi, sekali gus mengukuhkan keyakinan bahawa dominasi kebatilan adalah bersifat sementara.

### *4.4 Allah SWT Mendatangkan Kaum yang Mencintai Orang Beriman*

Karya *al-Mubashshirāt* turut mengetengahkan kewujudan golongan yang menunjukkan solidariti dan kecintaan terhadap umat Islam. Tema ini mencerminkan realiti hubungan antara komuniti dalam masyarakat yang pelbagai, di mana terdapat pihak yang menyokong perjuangan Islam atas dasar keadilan dan kemanusiaan. Al-Qaraḍāwī menekankan bahawa sokongan ini merupakan sebahagian daripada sunnatullah dalam memperkukuh kedudukan umat Islam, sama ada melalui kerjasama sosial, politik, atau kemanusiaan.

Antara berita gembira yang dibawakan al-Quran ialah firman Allah SWT dalam surah al-Mā'idah mengenai ancaman terhadap golongan yang murtad dan keluar daripada agama. Allah SWT menegaskan bahawa kemurtadan mereka sama sekali tidak akan merosakkan agama-Nya dan tidak akan runtuh dengan pengkhianatan mereka. Allah SWT telah menjamin bahawa Dia akan menyediakan bagi agama ini satu generasi mukmin kuat yang akan menentang arus kemurtadan dan penyelewengan serta menegakkan agama dalam diri mereka sendiri (Al-Qaraḍāwī, 2004: 23).

Generasi ini digambarkan dengan ciri-ciri utama: hubungan yang erat bahkan hubungan cinta dengan Tuhan; sikap penuh kasih sayang dan rahmat terhadap sesama mukmin; ketegasan dan kekuatan terhadap golongan kafir dan zalim; serta semangat jihad dan perjuangan menentang kejahatan dan kemungkaran. Inilah sifat-sifat asas yang ditonjolkan al-Quran dalam bentuk berita gembira bagi orang beriman dan peringatan keras bagi golongan yang murtad (Al-Qaraḍāwī, 2004: 23). Allah SWT berfirman dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 54:

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرۡتَدَّ مِنكُمۡ عَن دِينِهِۦ فَسَوۡفَ يَأۡتِي ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ يُحِبُّهُمۡ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوۡمَةَ لَآئِمٖۚ ذَٰلِكَ فَضۡلُ ٱللَّهِ يُؤۡتِيهِ مَن يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ٥٤﴾

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah SWT akan mendatangkan suatu kaum yang Ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah SWT, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah SWT yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; kerana Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi Pengetahuan-Nya.*

Al-Ṭabarī (t.th./10: 420) menjelaskan bahawa pandangan yang lebih utama dalam hal ini dan paling dekat dengan kebenaran ialah apa yang diriwayatkan melalui khabar daripada Rasulullah SAW, bahawa mereka itu ialah penduduk Yaman, iaitu kaum Abū Mūsā al-Ash'arī. Sekiranya tidak terdapat riwayat yang disampaikan daripada Rasulullah SAW berhubung perkara tersebut, maka pendapat yang lebih hampir bagi saya ialah sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian ulama: "Mereka itu ialah Abū Bakr RA dan para sahabatnya." Hal ini kerana tidak ada seorang pun selain Abū Bakr RA bersama orang-orang yang bersamanya yang telah memerangi golongan murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW, sedangkan mereka sebelumnya telah menzahirkan Islam pada zaman Baginda SAW, kemudian kembali kafir selepas itu. Namun demikian, kami meninggalkan pendapat tersebut kerana adanya riwayat yang sahih daripada Rasulullah SAW, sedangkan Baginda SAW merupakan sumber penjelasan tentang takwilan wahyu Allah SWT dan ayat-ayat Kitab-Nya.

Al-Ṭabarī (t.th./10: 420) menegaskan sekiranya seseorang berkata: "Jika kaum yang disebut oleh Allah bahawa Dia akan mendatangkan mereka ketika berlaku kemurtadan dalam kalangan orang yang telah memeluk Islam pada zaman Rasulullah SAW itu ialah penduduk Yaman, maka adakah penduduk Yaman pada zaman Abū Bakr RA memerangi golongan murtad sebagai penolong Abū Bakr dalam peperangan tersebut, sehingga boleh diterima bahawa takwilan ayat itu diarahkan kepada mereka? Atau sebenarnya mereka tidak menjadi penolong Abū Bakr dalam peperangan itu, maka bagaimana boleh membenarkan takwilan ayat tersebut ditujukan kepada mereka, sedangkan engkau mengetahui bahawa janji Allah itu tidak mungkin sekali-kali menyimpang?" Al-Ṭabarī (t.th./10: 420) menjawab bahawa Allah SWT tidak pernah menjanjikan kepada orang-orang beriman bahawa Dia akan menggantikan mereka dengan kaum yang murtad pada waktu itu dengan yang lebih baik daripada mereka untuk tujuan memerangi golongan murtad. Sebaliknya, Allah SWT hanya memberitakan bahawa Dia akan mendatangkan kaum yang lebih baik sebagai pengganti mereka. Maka sesungguhnya Allah telah melaksanakan janji tersebut kepada mereka tidak lama kemudian, bahkan dalam masa yang dekat, iaitu pada zaman 'Umar RA. Kedudukan mereka dalam Islam dan terhadap umat Islam adalah sebaik-baik kedudukan, dan mereka menjadi penolong serta memberi manfaat yang besar kepada kaum Muslimin, berbanding dengan mereka yang telah murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW daripada kalangan golongan Arab Badwi yang kasar dan keras hati yang sebelumnya hanya menjadi beban kepada umat Islam tanpa memberi sebarang manfaat.

Sehubungan dengan itu, Riḍā (t.th./6: 360) merumuskan bahawa sesiapa yang menjadikan orang kafir sebagai pelindung selain daripada orang beriman dianggap sebahagian daripada mereka. Maka golongan yang bersegera dalam kalangan mereka, iaitu mereka yang berpenyakit hati telah pun tergolong sebagai murtad dengan sebab menjadikan orang kafir sebagai wali. Jika mereka menyembunyikan hal tersebut, maka penzahiran terhadap keimanan hanyalah suatu bentuk nifak. Setelah Allah SWT menjelaskan keadaan mereka, Dia berkehendak untuk memperincikan suatu hakikat yang disokong dengan khabar daripada perkara ghaib yang akan ditampakkan di masa hadapan. Hakikat itu ialah bahawa golongan munafik yang berpenyakit hati tidak mempunyai sebarang manfaat dan tidak boleh diandalkan dalam menegakkan agama serta kebenaran. Allah SWT menegakkan agama-Nya dan menguatkannya dengan orang-orang beriman yang dicintai oleh Allah, lalu Dia menambahkan mereka keteguhan dalam kebenaran serta kekuatan untuk menegakkannya. Mereka pula mencintai Allah SWT, lalu mengutamakan apa yang dicintai-Nya berupa penegakan kebenaran, keadilan dan penyempurnaan hikmah-Nya di bumi berbanding segala kecintaan yang lain seperti harta, kesenangan, keluarga dan anak-anak. Adapun khabar daripada perkara ghaib itu ialah bahawa sebahagian orang yang beriman akan murtad secara terang-terangan daripada Islam. Namun hal itu tidak akan memudaratkan agama, kerana Allah SWT akan menundukkan bagi-Nya golongan yang menolong agama-Nya dan berjuang untuk memeliharanya.

Tema ini memperlihatkan bahawa al-Qaraḍāwī tidak membina naratif yang bersifat eksklusif atau antagonistik semata-mata, tetapi mengiktiraf realiti sosial yang lebih kompleks dan inklusif. Beliau mentafsir ayat ini dalam kerangka yang lebih terbuka, iaitu sebagai sunnatullah sosial di mana akan sentiasa wujud kelompok yang menyokong kebenaran, walaupun tidak semestinya daripada kelompok yang sama. Pendekatan ini selari dengan kerangka pemikiran beliau yang berasaskan fiqh al-aqalliyyāt dan wasāṭiyyah, yang menekankan interaksi konstruktif antara umat Islam dan masyarakat plural. Dengan itu, tafsir bukan sahaja

berfungsi dalam membina identiti dalaman umat Islam, tetapi juga membuka ruang kepada kerjasama sosial dan solidariti kemanusiaan.

Kehadiran golongan yang mencintai orang beriman menggambarkan kewujudan jaringan sosial yang diasaskan atas nilai bersama, kepercayaan bersama dan rasa kepunyaan bersama (*sense of belonging*). Dalam sosiologi, ikatan sedemikian dianggap sebagai asas pembentukan komuniti yang stabil dan berfungsi. Tema ini boleh dijelaskan melalui konsep solidariti sosial (*social solidarity*) yang diperkenalkan oleh Émile Durkheim. Menurut Durkheim (2016), masyarakat dapat bertahan kerana wujud ikatan moral yang menyatukan individu ke dalam satu komuniti. Solidariti tersebut lahir daripada perkongsian nilai, norma dan komitmen terhadap matlamat bersama. Durkheim (2016), menegaskan bahawa asas kelangsungan masyarakat ialah solidariti sosial, iaitu ikatan yang menyatukan individu ke dalam suatu komuniti melalui nilai dan kepercayaan yang dikongsi bersama. Beliau juga memperkenalkan konsep *collective conscience*, iaitu himpunan nilai dan sentimen bersama yang memberikan rasa kesatuan kepada anggota masyarakat. Justeru itu, tema *kehadiran kaum yang mencintai orang beriman* secara langsung menggambarkan pembentukan *collective conscience* tersebut, kerana hubungan kasih sayang dan kesetiaan sesama anggota komuniti berfungsi sebagai mekanisme integrasi sosial.

### *4.5 Janji Allah SWT untuk Memperlihatkan Tanda Kebesaran-Nya*

Tema terakhir menekankan janji Allah SWT untuk memperlihatkan tanda-tanda kebesaran-Nya sebagai bukti kebenaran Islam. Tanda-tanda ini merangkumi kejayaan dakwah, perubahan sosial serta perkembangan umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Karya *al-Mubashshirāt* menafsirkan fenomena tersebut sebagai manifestasi kekuasaan Ilahi yang berterusan, yang berfungsi mengukuhkan keimanan dan keyakinan terhadap masa depan Islam. Antara berita gembira yang dijanjikan al-Quran ialah firman Allah SWT dalam surah Fuṣṣilat [41] ayat 53:

﴿سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾﴾

Maksudnya:

*Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?*

Ayat ini merupakan janji Allah SWT bahawa tanda-tanda kekuasaan-Nya akan terus diperlihatkan kepada manusia pada setiap zaman, melalui apa yang mereka saksikan dengan mata, dengar dengan telinga dan rasakan dengan hati (Al-Qaraḍāwī, 2004: 25). Menurut al-Qāsimī (1957/14: 5217), firman Allah SWT ini membawa maksud peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada Rasulullah SAW di kawasan sekitar negeri kaum musyrikin, khususnya di Mekah dan sekitarnya, serta kemunculan Baginda di hadapan manusia sebagai bukti kebenaran janji Allah SWT. Ungkapan وَفِيٓ أَنفُسِهِمْ {*dan pada diri mereka*} merujuk kepada kekalahan kaum musyrikin, kehancuran kekuatan mereka, serta runtuhnya keangkuhan mereka, sebagaimana yang berlaku dalam Perang Badar dan Pembukaan Kota Mekah. Kesemua peristiwa ini menjadi bukti nyata bahawa al-Quran, dengan janji dan ancamannya, adalah kebenaran yang tetap dan tidak dapat disangkal. Hal ini kerana tiada lagi hujah selepas bukti yang dapat disaksikan dengan mata kepala. Allah SWT telah menolong Rasul-Nya dan para sahabat serta mengalahkan kebatilan bersama pengikutnya. Firman Allah SWT:أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ {*Dan apakah tidak cukup bahawa Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu?*} menegaskan bahawa tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada pengetahuan-Nya mengenai segala perbuatan makhluk-Nya, dan Dia pasti akan membalas mereka sesuai dengan amal perbuatan tersebut. Maka, ayat ini mengandungi janji bagi orang yang beriman serta ancaman bagi mereka yang ingkar.

Dalam konteks zaman sekarang, janji ini dapat dilihat melalui pelbagai kajian yang dilakukan oleh para sarjana dalam bidang sains tabii dan matematik, yang berusaha menyingkap dimensi baharu keajaiban ilmiah al-Quran. Sebahagian daripada kajian tersebut mengemukakan pandangan yang mendalam dan bernas, sehingga diakui oleh sebilangan tokoh bukan Muslim. Hal ini memperlihatkan kesinambungan janji Ilahi bahawa kebenaran al-Quran akan semakin jelas terbukti melalui perkembangan ilmu dan pengalaman manusia sepanjang zaman (Al-Qaraḍāwī, 2004: 25).


Menurut Ibn ʻĀshūr (t.th./26: 19), dalam ayat ini terkandung suatu aspek keajaiban melalui pemberitaan tentang perkara ghaib, iaitu janji kemenangan bagi Rasulullah SAW dan agama yang dibawanya. Hal ini direalisasikan dengan pertolongan Allah SWT kepada Baginda serta para khalifah selepasnya, sehingga terbuka luas wilayah di ufuk timur dan barat secara umum, dan di Semenanjung Arab secara khusus, melalui pelbagai penaklukan serta keteguhan kedudukannya. Kejayaan ini turut meninggalkan kesan mendalam dalam kalangan bangsa-bangsa lain, sesuatu yang tidak pernah dicapai oleh mana-mana raja dunia, termasuk para kaisar dan kisra, meskipun bilangan kaum Muslimin ketika itu amat kecil jika dibandingkan dengan jumlah umat yang

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

wilayahnya telah mereka buka melalui penyebaran dakwah Islam ke seluruh pelusuk bumi. Sejarah menjadi saksi bahawa apa yang terhasil bagi umat Islam berupa keajaiban penyebaran dan penguasaan terhadap bangsa-bangsa lain merupakan suatu perkara yang menyalahi kebiasaan. Justeru, nyata bahawa agama Islam adalah kebenaran, dan setiap kali umat Islam berpegang teguh kepada tali agama ini, mereka memperoleh pertolongan Allah SWT dalam bentuk kemenangan yang menakjubkan. Hal ini telah disaksikan oleh generasi terdahulu dan generasi kemudian.

Menurut al-Bayḍāwī (t.th./5: 75), ayat ini membawa maksud peristiwa-peristiwa yang diberitakan oleh Rasulullah SAW, sama ada berkaitan dengan kejadian-kejadian yang bakal berlaku atau kesan daripada peristiwa-peristiwa yang telah lalu. Ia juga merujuk kepada pertolongan Allah SWT kepada Baginda dan para khalifah selepasnya dalam bentuk penaklukan serta penguasaan terhadap kerajaan-kerajaan di timur dan barat dengan cara yang menyalahi kebiasaan. Ungkapan وَفِيٓ أَنفُسِهِمْ {*dan pada diri mereka*} boleh difahami sebagai merujuk kepada apa yang berlaku dalam kalangan penduduk Mekah, termasuk musibah yang menimpa mereka, atau merujuk kepada keajaiban ciptaan pada tubuh manusia yang menjadi bukti kesempurnaan kekuasaan Allah SWT.

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa karya *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* memperlihatkan pemikiran tafsir al-Qaraḍāwī yang berperanan memperkukuh keyakinan, ketahanan spiritual serta harapan umat Islam terhadap masa depan. Al-Qaraḍāwī (2004) mengklasifikasikan konsep berita gembira (*al-Mubashshirāt*) dalam al-Quran kepada lima kategori utama sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.




**Rajah 1**
*Konsep berita gembira (al-Mubashshirāt) dalam al-Quran menurut al-Qaraḍāwī*

Al-Qaraḍāwī (2004) membina satu kerangka epistemologi bukti (*epistemology of evidence*) yang menghubungkan wahyu dengan realiti empirikal. Beliau memperluaskan tafsiran dengan memasukkan dimensi

perkembangan ilmu, sains dan pengalaman manusia moden sebagai sebahagian daripada manifestasi tanda-tanda Ilahi, sekali gus menjadikan al-Quran sebagai sumber yang dinamik dan relevan. Tafsir dalam konteks ini tidak lagi bersifat statik, tetapi berfungsi sebagai kerangka interpretasi yang berkembang selari dengan perubahan zaman.

Pendekatan tematik yang diaplikasikan menyumbang kepada pengukuhan pemahaman teologi mengenai kemenangan Islam, malah turut membawa implikasi psikologi dan sosiologi dalam usaha membina ketahanan ummah menghadapi cabaran kontemporari. Justeru, *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* berfungsi sebagai karya ilmiah al-Qaraḍāwī yang menghubungkan dimensi tafsir dengan realiti sosial, sekali gus menegaskan relevansi naratif al-Quran dalam wacana pemikiran Islam moden.

## 5. KESIMPULAN

Kajian ini meneliti secara sistematik tema-tema utama dalam *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām*, khususnya bagaimana naratif al-Quran dimanfaatkan untuk membina wacana kemenangan Islam berasaskan keyakinan terhadap janji Ilahi. Melalui analisis tematik, lima tema teras dikenal pasti: kisah para rasul, mukmin dan kafir; bantuan Allah SWT kepada orang beriman; janji Allah SWT menggagalkan tipu daya kaum kafir; kehadiran golongan yang mencintai orang beriman; serta penzahiran tanda kebesaran Allah SWT. Kesemua tema ini saling melengkapi dalam membentuk kerangka pemikiran yang koheren dan bersepadu.

Dapatan menunjukkan bahawa karya ini menegaskan kewujudan pola berulang dalam sejarah dakwah, di mana konflik antara kebenaran dan kebatilan merupakan sunnatullah yang pasti berlaku. Walau bagaimanapun, pola tersebut sentiasa berakhir dengan kemenangan pihak yang berpegang kepada kebenaran. Kisah para rasul dan umat terdahulu berfungsi sebagai bukti sejarah yang mengukuhkan keyakinan bahawa perjuangan Islam bukan fenomena sementara, sebaliknya sebahagian daripada ketetapan Ilahi yang berterusan sepanjang zaman. Selain itu, penekanan terhadap bantuan Allah SWT kepada golongan beriman memperlihatkan bahawa kejayaan tidak bergantung semata-mata kepada faktor material, tetapi lebih ditentukan oleh kekuatan spiritual, keimanan, dan kesabaran. Hubungan yang kukuh dengan Allah SWT digariskan sebagai prasyarat utama bagi memperoleh pertolongan-Nya. Selari dengan itu, tema kegagalan tipu daya golongan kafir menegaskan prinsip keadilan Ilahi, bahawa segala perancangan yang bertentangan dengan kebenaran akhirnya akan menemui kegagalan.

Kajian ini juga mengiktiraf kewujudan golongan yang menyokong dan mencintai orang beriman. Dimensi ini mencerminkan sifat sosial Islam yang inklusif serta membuka ruang kepada kerjasama antara komuniti dalam masyarakat majmuk. Di samping itu, penzahiran tanda kebesaran Allah SWT dalam pelbagai bentuk (kejayaan dakwah, perubahan sosial, atau perkembangan umat Islam) ditafsirkan sebagai bukti berterusan terhadap kebenaran risalah Islam. Pada akhirnya, *al-Mubashshirāt bi Intiṣār al-Islām* karya al-Qaraḍāwī mengemukakan naratif Qurani yang memperkukuh keyakinan, harapan dan daya tahan umat Islam dalam menghadapi cabaran semasa. Pendekatan tematik yang digunakan memberikan kefahaman lebih tersusun terhadap konsep kemenangan Islam. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penghayatan terhadap tema-tema al-Quran berkaitan kemenangan Islam mampu menjadi sumber kekuatan dalaman bagi umat Islam, khususnya dalam situasi krisis dan ketidaktentuan. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk memperluas analisis terhadap karya-karya seumpamanya serta meneliti aplikasi praktikal tema-tema tersebut dalam konteks semasa.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

## DEKLARASI PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (AI)

Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa artikel ini dihasilkan dan dianalisis sepenuhnya melalui usaha kami sendiri. Pada mana-mana peringkat penyediaan, penulisan atau penilaiannya, kami tidak menggunakan sebarang

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

alat, perisian atau sistem kecerdasan buatan (AI). Kandungan artikel ini mencerminkan penyelidikan, analisis dan penulisan yang dilakukan secara bebas tanpa bergantung pada bantuan AI.

## SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh empat pengarang. Abur Hamdi Usman mengumpul dan menganalisis data. Zaidul Amin Suffian Ahmad dan Wan Azizul Hakim Wan Aziz melakukan semakan dan penyuntingan. Ryan Bianda memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

## RUJUKAN

Abū al-Sa'ūd, M. M. (t.th.). *Tafsīr Abī al-Sa'ūd*. Jil. 7. t.tp.: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

Adegoke, K. (2021). Fiqh al-aqalliyyah and muslim minorities in a non-muslim community. *Jurnal Syariah*, *29*(1), 1-20. https://doi.org/10.22452/js.vol29no1.1.

Akram, M. (2021). Reform through tradition: An analysis of Yusuf al-Qaradwi's approach to halal and haram. *Īqān*, *3*(01), 19-32. https://doi.org/10.36755/iqan.v3i01.223.

Al Walidah, I. (2017). Tabayyun di era generasi millenial. *Jurnal Living Hadis*, *2*(2), 317-344. https://doi.org/10.14421/livinghadis.2017.1359.

Al-Bayḍāwī, N. A. K. (t.th.). *Tafsīr Al-Bayḍāwī*. Jil. 5. t.tp.: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

Al-Bukhārī, M. I. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 5. t.tp.: Dār Ibn Kathīr.

Ali, A. (2023). The concept of sharī'a revisited. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, *13*(2), 16-28. https://doi.org/10.32350/jitc.132.02.

Al-Qaraḍāwī, Y. (2004). *Al-Mubashshirāt bi intiṣār al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qāsimī, M. J. (1957). *Tafsīr Al-Qāsimī*. Jil. 4 & 14. t.tp.: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Rāzī, F. (2004). *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Jil. 25. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Ṭabarī, A. J. (t.th.). *Tafsīr Al-Ṭabarī*. Jil. 10. t.tp.: Dār al-Ma'ārif.

Amiruddin, M., Sapa, N., & Syatar, A. (2020). Uncovering wasathiyah values on sharia banking. *Al-Mashrafiyah Jurnal Ekonomi Keuangan Dan Perbankan Syariah*, *4*(2), 15. https://doi.org/10.24252/al-mashrafiyah.v4i2.14676.

Amrin, A., & Amirullah, A. (2022). Contemporary legal istimbat: Study on the theory of changes in fatwa according to Yusuf Qardhawi. *Mizan: Journal of Islamic Law*, *6*(1), 89-108. Diperolehi daripada https://jurnalfai-uikabogor.net/index1/mizan/article/view/1244.

Andiko, T., Mutia, I., & Nazaryani, N. (2024). The ruling on wishing merry christmas to non-muslims: An analysis of M. Quraish Shihab's interpretations. *Jurnal Ilmiah Al-Mu Ashirah*, *21*(1), 139. https://doi.org/10.22373/jim.v21i1.20040.

Asror, M., Rofiqi, R., Syafaq, H., & Hilmy, M. (2023). Yusuf al-Qaraḍāwī's perspective on fiqh aqalliyat in a multicultural society. *Khazanah Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*, *21*(1), 83-98. https://doi.org/10.18592/khazanah.v21i1.8900.

As-Suvi, A. and Zuhriah, E. (2023). Ratio legis of interfaith inheritance reformulation from the perspective of fiqh minority: A study of the thoughts of Yusuf Al-Qardhawi and Taha Jabir Al-Alwani. *Jurnal Pembaharuan Hukum*, *10*(3), 361. https://doi.org/10.26532/jph.v10i3.33335.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, *3*(2), 77-101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications, Inc. Diperolehi daripada http://www.ceil-conicet.gov.ar/wp-content/uploads/2015/10/Creswell-Cap-10.pdf.

Durkheim, E. (2016). The elementary forms of religious life. In *Social theory re-wired* (pp. 52-67). Routledge. Diperolehi daripada https://www.taylorfrancis.com/chapters/edit/10.4324/9781315775357-6/elementary-forms-religious-life-emile-durkheim.

Greer, I. (2023). Angrezi shariat: Islamic law in 20th- and 21st- century Britain and its colonial antecedents. *Studies in Religion/Sciences Religieuses*, *53*(3), 323-335. https://doi.org/10.1177/00084298231187079.

Ibn ʻĀshūr, M. T. (t.th.). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 21 & 26. t.tp.: Dār Saḥnūn.

Ibn Kathīr, I. (2002). *Tafsīr al-Qur'ān al-ʻAẓīm*. Jil. 4 & 6. t.tp.: Dār al-Ṭayyibah.

Jumria, P., Faisal, F., & Yaqin, H. (2023). Maqaṣid al-syariah in fatwa Yusuf Al-Qardhawi about misyar marriage. *Cendekia Jurnal Studi Keislaman*, *9*(1), 1-28. https://doi.org/10.37348/cendekia.v9i1.248.

Kamarudin, N. H., Khairuddin, K. F., & Mansor, A. Z. (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(1), 175-183. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1249.

Kudhori, M., Faiq, M., & Farhan, I. (2021). Reinterpreting religious pluralism in QS. al-Baqarah: 62 (A method of al-Qaraḍâwî's interpretation). *Jurnal Ushuluddin*, *29*(2), 101. https://doi.org/10.24014/jush.v29i2.10662.

Mubarak, M. S., & Halid, Y. (2020). Dakwah yang menggembirakan perspektif al-Qur'an (Kajian terhadap QS. An-nahl ayat 125). *Al-Munzir*, *13*(1), 35-56. https://doi.org/10.31332/am.v13i1.1823.

Muhammad Munʻim, R. Q. (2023). *Sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pengajian tafsir al-Quran: Kajian terhadap karya Exploring the Qur'an: Context and Impact* (Master's thesis, University of Malaya (Malaysia)).

Muslim, M. (2000). *Mabāḥith fī al-tafsīr al-mawḍūʻī*. Damsyik: Dār al-Qalam.

Nazih, A., Evalinda, E., & Geun, A. (2024). The urgency of understanding Islamic history according to Yusuf Qaradawi's paradigm. *Al-Risalah*, *15*(1), 293-306. https://doi.org/10.34005/alrisalah.v15i1.3436.

Nur, I., Adam, S., & Muttaqien, M. (2020). Maqāṣid al-sharīʻat: The main reference and ethical-spiritual foundation for the dynamization process of Islamic law. *Ahkam Jurnal Ilmu Syariah*, *20*(2). https://doi.org/10.15408/ajis.v20i2.18333.

Nuryadi, F. (2025). Penafsiran QS. Al-Isrā: 4-8 tentang kehancuran Israel (studi analitis geopolitik modern). *MAGHZA: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, *10*(2), 175-194. https://doi.org/10.24090/maghza.v10i2.14073.

Prayogi, A., Nasrullah, R., Setiawan, S., & Setyawan, M. A. (2025). Konsep konflik dan teori konflik sosial dalam pemikiran Karl Marx. *Jurnal Sosial dan Humaniora*, *1*(1), 1-11. Diperolehi daripada https://journal.ajbnews.com/index.php/sinora/article/view/87.

Quṭb, S. (2003). *Fī Ẓilāl al-Qur'ān*. Jil. 5. t.tp.: Dār al-Shurūq.

Rahman, H. (2020). Toward a wise political fiqh: The perception of state in the political thought of Yusuf Al-Qaraḍāwī. *Akademi Sosyal Bilimler Dergisi*, *7*(21), 6-22. https://doi.org/10.34189/asbd.7.21.001.

Riḍā, M. R. (t.th.). *Tafsīr al-Manār*. Jil. 6. t.tp.: Al-Hay'at al-Miṣriyyah li al-Kitāb.

Copyright © 2026 The Authors. Published by Penerbit UIS. This is an open access article under the CC BY-NC license.

Rzas, N. (2022). Seeing the world in Islamic intermediaryism from the cultivation of Islamic law by Yusuf Qaradawi. *Journal of Social Science and Humanities*, *4*(9). https://doi.org/10.53469/jssh.2022.4(09).21.

Tajfel, H., & Turner, J. C. (2001). *An integrative theory of intergroup conflict*. Dlm. M. A. Hogg & D. Abrams (Eds.), *Intergroup Relations: Essential Readings* (pp. 94-109). Philadelphia, PA: Psychology Press.

Wahib, M., Samin, S., Barsihannoor, B., & Shuhufi, M. (2020). The position of maqasid al-shari'a on fiqh of minorities. *Jurnal Diskursus Islam*, *8*(2), 117. https://doi.org/10.24252/jdi.v8i2.12532.

Zain, L. (2014). Sejarah hadis pada masa permulaan dan penghimpunannya. *Diya Al-Afkar: Jurnal Studi al-Quran Dan al-Hadis*, *2*(01). https://doi.org/10.24235/diyaafkar.v2i01.564.

## Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.